



DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR,
DI KUANTAN
KES MAL NO : 06100-028-0675-2012

ANTARA
SURIANA BINTI MOHAMAD
DAN
MOHMAD JEFFRI BIN NORDIN

LOKASI	: Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan
HAKIM	: YA Tuan Haji Mohd Yusof Bin Ab Ghani. AMP, HMTS
TARIKH	:
NO KES	: 06100-028-0675-2012
DISEDIAKAN OLEH	: Pegawai Penyelidik Hakim MTS Kuantan

PEGUAM SYARIE

Plaintif	: Mohamad Sharif Bin Othman drpd Tetuan Sharif : Ridzuan & Co
Defenden	: Tidak diwakili peguam

FAKTA KES

ALASAN PENGHAKIMAN OLEH TUAN HAJI MOHD YUSOF BIN AB GHANI, HMTS.

Permohonan yang didengar di hadapan saya ini, yang mana telah didaftarkan pada 20.09.2012 ialah permohonan untuk mendapatkan perintah hak penjagaan anak. Tuntutan ini difailkan oleh Plaintif iaitu Suriana Binti Mohamad terhadap Defenden, Mohmad Jeffri Bin Nordin di bawah **Seksyen 83 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005.**

Plaintif dan Defenden telah berkahwin pada 09.02 2005. Plaintif kemudian pada 20.09.2012 telah memfailkan permohonan perceraian fasakh di bawah kes Mal No 06100-014-0676-2012. Hasil perkahwinan, pasangan telah dikurniakan 2 orang anak iaitu **Nurqhairulnisha** dan **Nurqhairina Sofea** dan anak-anak tersebut menjadi subjek tuntutan dalam kes ini. Anak-anak tersebut sekarang berada dibawah jagaan Plainti.



Dalam kes tuntutan hak penjagaan anak ini, Mahkamah merujuk **seksyen 82 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005** yang menyatakan seperti berikut:

“Tertakluk kepada seksyen 83, ibu adalah yang paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan”

Seksyen 83 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005 pula menyebut:

Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap hadhanah jika

- (a) dia adalah seorang Islam;*
- (b) dia adalah sempurna akal;*
- (c) dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;*
- (d) dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan*
- (e) dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.*

Oleh yang demikian, Mahkamah berpuashati bahawa Plaintiff telah menepati syarat-syarat seorang hadhinah mengikut peruntukan undang-undang dan hukum syarak sedia ada.

Rasulullah s.a.w telah bersabda dalam sebuah hadis

“Kamu (isteri) adalah yang paling berhak (ke atas penjagaan anak) selama mana kamu belum berkahwin”

Hadis di atas menjelaskan hak hadhanah akan gugur ke atas isteri sekiranya isteri berkahwin dengan mana-mana lelaki lain. Di dalam kes ini, Plaintiff membuktikan bahawa beliau adalah ibu kandung kepada anak-anak tersebut dan Plaintiff juga belum berkahwin dengan mana-mana lelaki lain.

Merujuk **Kitab al-Bujairimi ala al-Khatib, muka surat 475, juzu' 4:**

“Apabila berpisah (termasuklah mati atau bercerai) seorang lelaki dengan isterinya, maka isterinya adalah berhak terhadap Hadhanah anak-anak (sehingga anak berumur 7 tahun)”



Di dalam kes ini juga menurut Mahkamah, Plaintiff telah membawa saksi-saksi yang menepati **Seksyen 85 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Pahang 2005** dan Mahkamah juga tidak ragu-ragu dalam mendengar segala keterangan saksi-saksi pihak Plaintiff ini.

SP-1 dan SP-2 juga menyokong tuntutan Plaintiff ini kerana berpendapat Defenden tiada rasa tanggungjawab dalam menguruskan rumahtangga dan segala keperluan anak-anak. Menurut keterangan SP-2, dua orang anak-anak hasil perkahwinan Plaintiff dan Defenden kini berada di bawah jagaan Plaintiff dan tinggal bersama di rumah ibu bapa Plaintiff. Segala perbelanjaan serta nafkah harian anak-anak pula ditanggung sepenuhnya oleh Plaintiff tanpa dibantu oleh Defenden. Menurut Sp-2 lagi, Defenden tidak tinggal sekali bersama Plaintiff sejak dua tahun lalu.

Saksi-saksi ini merupakan pihak-pihak yang telah membantu Mahkamah dalam mempertimbangkan permohonan atau tuntutan Plaintiff ini. Ini kerana saksi-saksi Plaintiff mengetahui situasi sebenar kes ini. SP 1 Mohd Zulkarnain Bin Latif merupakan abang tiri kepada Plaintiff sementara SP 2 Ali Bin Ahmad merupakan Jiran Plaintiff.

Plaintiff juga telah membuktikan kepada Mahkamah bahawa beliau menepati syarat-syarat seorang hadhinah berdasarkan **Seksyen 83(e) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005** iaitu:

Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap hadhanah jika-

- (a)
- (b)
- (c)
- (d)
- (e) *dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.*

Tambahan lagi, keterangan daripada saksi-saksi telah menguatkan tuntutan plaintiff. Seperti yang dinyatakan oleh SP-2, kebajikan anak-anak telah dijaga dengan baik oleh Plaintiff termasuklah dalam urusan pembelajaran, makan pakai, perbelanjaan harian, tempat tinggal dan sebagainya. SP-2 juga menyatakan tempat tinggal yang didiami Plaintiff dan anak-anaknya kini adalah sesuai dan selamat kerana dilengkapi dengan banyak kemudahan asas untuk menjalani kehidupan seharian.

Plaintiff di dalam kes ini juga menafikan hak penjagaan ke atas Defenden



kerana Defenden gagal menjalankan tanggungjawabnya memberi nafkah kepada anak-anak. Defenden tidak melawat atau mengambil tahu hal ehwal kebajikan anak-anak. Malah segala perbelanjaan keperluan dan kebajikan anak-anak diuruskan sendiri oleh Plaintiff hasil daripada pendapatannya sebagai anggota polis.

Walaupun, beban pembuktian terhadap dakwaan berhubung perkara nafkah sepatutnya menjadi tanggungan ke atas suami (Defendan) untuk membuktikannya tetapi Defendan tidak hadir ke Mahkamah untuk menafikannya. Ini bermakna Defenden akur dan setuju dengan segala pernyataan Plaintiff.

Mahkamah juga berbalik kepada **Kaedah fiqh** yang berbunyi:-

Maksud : "tidak disandarkan sesuatu kepada orang yang diam, tetapi apabila ada keperluan (untuk orang yang diam itu bercakap-memberi kerangan, tapi dia gagal berbuat demikian) maka diamnya itu dikira sebagai keterangan.

Ini bermakna, Defenden perlu tampil untuk menolak tohmahan Plaintiff mengenai isu yang dibangkitkan dan sekiranya Defenden gagal, maka kegagalan itu mengukuhkan lagi tuntutan Plaintiff.

Mahkamah juga merujuk Kaedah Fiqh yang berbunyi **Al-asl fi Kulli syai` al-adam.**

Maksud kaedah ini, asal sesuatu itu tidak ada, atau tidak wujud jika tidak dibuktikan sebaliknya. Ini adalah satu anggapan yang boleh ditolak dengan cara dibuktikan sebaliknya.

Oleh itu, Mahkamah menerima keterangan SP-1 dan SP-2 kerana mencapai tahap yakin sebagaimana dalam kaedah pembuktian Islam oleh kerana saksi-saksi ini mengetahui dan menyaksikan sendiri keadaan hidup Plaintiff dan anak-anak.

Keterangan saksi-saksi juga adalah konsisten dan tiada sebarang percanggahan. Maka, Mahkamah bersetuju meletak hak penjagaan anak-anak kepada Plaintiff kerana berpendapat bahawa Plaintiff telah menepati syarat-syarat seorang hadhinah berdasarkan hukum syara' dan peruntukan undang-undang sedia ada.



Sepanjang perbicaraan kes ini berlangsung juga, Defenden tidak pernah hadir untuk memberi kenyataan mahupun mencabar keterangan Plaintiff dan saksi-saksinya. Maka disini, Mahkamah bersetuju untuk memutuskan kes ini walaupun tanpa kehadiran pihak defenden sepanjang perbicaraan dilaksanakan. Di dalam kitab **l'anatu al-Talibin, Juzu 4, muka surat 238** menyatakan:

"Harus memberi penghakiman ke atas yang ghaib dari negeri iaitu lebih dari masafattu al-'udwa sekalipun yang ghaib itu berada diluar bidangkuasanya ketika itu."

Begitu juga seperti yang dinukilkan di dalam kitab **Mughni al-Muhtaj, Juzu' 4, muka surat 407:**

"Penghakiman ke atas yang ghaib itu harus jika yang mendakwa mempunyai keterangan dan dakwaan yang mendakwa ke atas yang ghaib itu boleh disangkal"

Oleh yang demikian, setelah Mahkamah mendengar hujah pihak Plaintiff dan meneliti segala keterangan-keterangan saksi, maka Mahkamah melulus dan membenarkan tuntutan yang difailkan oleh Plaintiff sebagaimana yang dipohon.

DIPUTUSKAN

Setelah meneliti dan mendengar keterangan dan hujah pihak-pihak, maka adalah dengan ini Mahkamah memutuskan seperti berikut:

1. Hak jagaan anak-anak yang bernama:-
 - a. Nurqhairulnisha Binti Mohmad Jeffri
(Tarikh Lahir : 06/01/2006)
 - b. Nurqhairina Sofea Binti Mohmad Jeffri
(Tarikh Lahir : 18/02/2009)- diletakkan di bawah jagaan Plaintiff selaku Ibu kandung.
2. Defenden diberikan akses untuk melawat anak-anak tersebut pada bila-bila masa yang munasabah dengan dimaklumkan kepada Plaintiff terlebih dahulu.